

Seksyen III



PROGRAM UTAMA UNTUK PEMBANGUNAN PKS

Bab 4: Tinjauan Keseluruhan Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan	49
Bab 5: Meningkatkan Kapasiti dan Keupayaan	63
Bab 6: Memperkukuhkan Infrastruktur yang Menyokong Pembiayaan	106
Bab 7: Akses kepada Pembiayaan	120

Tinjauan Keseluruhan Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan

BAB 4

- | | |
|--|----|
| 1. MPPK - Daripada Strategi kepada Pelan Tindakan | 54 |
| 2. Matlamat Pembangunan PKS | 55 |
| 3. Rangka Tindakan - Menggariskan Hala Tuju Pertumbuhan Masa Hadapan | 57 |



Agenda kebangsaan bagi pembangunan PKS digariskan dengan jelas dalam RMK9 dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga. Demi melaksanakan strategi pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) agar menjadi kenyataan, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) telah ditubuhkan pada tahun 2004 untuk menetapkan hala tuju strategik dasar Kerajaan bagi pembangunan PKS dan memastikan penyelarasan dan keberkesanan program Kerajaan. Salah satu inisiatif utama yang dihasilkan oleh Majlis ialah Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan, iaitu pelan tindakan tahunan untuk pembangunan PKS.

1. MPPK - Daripada Strategi kepada Pelan Tindakan

MPPK merupakan badan pembuat dasar yang tertinggi bagi pembangunan PKS. MPPK yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, terdiri daripada Menteri-menteri dan Ketua-ketua bagi 18 Kementerian dan pelbagai Agensi yang terbabit dalam pembangunan PKS.

Skop kerja MPPK khususnya adalah untuk:


- Merumuskan dasar dan strategi umum untuk memudahkan pembangunan PKS secara keseluruhan dalam semua sektor;
- Mengkaji semula peranan dan tanggungjawab Kementerian dan Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bagi pembangunan PKS;
- Mempertingkatkan kerjasama dan penyelarasan, serta membimbing pihak berkepentingan bagi memastikan pelaksanaan dasar dan pelan tindakan pembangunan PKS secara berkesan;
- Menggalakkan dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam menyokong pembangunan PKS secara keseluruhan; dan
- Memberikan penekanan kepada pembangunan PKS Bumiputera dalam semua sektor ekonomi.



2. Matlamat Pembangunan PKS

Misi dan fokus utama Kerajaan bagi pembangunan PKS ialah menyokong pembangunan PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan tinggi bagi mempertingkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara.

Gambaran Keseluruhan Matlamat dan Strategi Pembangunan PKS



Sumber: Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2007

Bagi mencapai misi ini, dua set matlamat bagi pembangunan PKS telah ditetapkan:

- i. Matlamat ekonomi:
 - a. Mempertingkatkan daya maju PKS dalam semua sektor; dan
 - b. Menggalakkan pembangunan PKS dalam industri berasaskan pengetahuan.
- ii. Matlamat sosioekonomi:
 - a. Menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam sektor PKS bagi mempertingkatkan penyertaan mereka dalam sektor ekonomi.



Setiap tahun, program utama bagi pembangunan PKS akan dirumuskan dan dirancang di bawah tiga teras strategik utama, iaitu:

- **Membina kapasiti dan keupayaan PKS** khususnya dalam bidang pembangunan usahawan, pembangunan modal insan, khidmat nasihat, kesedaran dan jangkauan (outreach), peningkatan teknologi dan pembangunan produk;
- **Mengukuhkan infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS.** Strategi ini termasuk membangunkan dan mempertingkatkan infrastruktur fizikal dan pengurusan maklumat, dan mewujudkan peraturan dan keperluan kendalian yang sesuai untuk PKS; dan
- **Mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS,** iaitu mewujudkan dan mengukuhkan pengaturan keinstitutional untuk menyokong keperluan pembiayaan PKS.

3. Rangka Tindakan - Menggariskan Hala Tuju Pertumbuhan Masa Hadapan

Peranan utama MPPK ialah merumuskan strategi dan program untuk menggalakkan pembangunan PKS, dan memastikan strategi dan program ini dilaksanakan secara berkesan untuk manfaat PKS. Demi mencapai matlamat ini, MPPK telah menghasilkan Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan (Rangka Tindakan), iaitu pelan tindakan tahunan yang menyediakan pernyataan yang jelas tentang tujuan dan fokus strategik Kerajaan bagi pembangunan PKS. Rangka Tindakan ini menggariskan:

- Matlamat, strategi dan sasaran bagi pembangunan PKS;
- Senarai program utama, hasil yang diharapkan dan komitmen kewangan; dan
- Penilaian tentang pencapaian berbanding dengan hasil yang disasarkan pada peringkat program dan makro.

Rangka Tindakan dengan pendekatannya yang berstruktur memberikan beberapa manfaat:

- Kementerian dan Agensi membangunkan dan melaksanakan lebih banyak program yang dipacu oleh prestasi yang tertumpu pada PKS;
- Mempertingkatkan kerjasama dan penyelarasan antara Kementerian dengan Agensi bagi memperkemas program mereka dan membangunkan program baharu untuk menangani kekurangan yang mungkin wujud untuk pembangunan PKS; dan
- Memperkukuh komitmen Kementerian dan Agensi untuk mencapai matlamat program utama.

Sejak dilaksanakan pada tahun 2005, Rangka Tindakan telah bertindak sebagai platform bagi Kementerian dan Agensi dalam melaksanakan program yang koheren dan komprehensif untuk pembangunan PKS. Usaha ini telah menghasilkan penyampaian dan keberkesanan program Kerajaan yang lebih baik bagi manfaat yang sebanyak mungkin untuk PKS.


Peranan utama MPPK ialah merumuskan strategi dan program untuk menggalakkan pembangunan PKS, dan memastikan strategi dan program ini dilaksanakan secara berkesan untuk manfaat PKS

Sehingga kini, MPPK telah melancarkan dua Rangka Tindakan, iaitu Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2006 dan 2007.

i. Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2006

Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2006 (Rangka Tindakan 2006) mengenal pasti sebanyak 248 program yang membabitkan komitmen kewangan sebanyak RM3.9 bilion, untuk pelaksanaan pada tahun 2006. Program utama dirangka untuk menangani cabaran dalaman dan luaran PKS bagi mempertingkatkan daya saing mereka, dan sebahagian besarnya tertumpu pada bina upaya dalam bidang pembangunan keusahawanan, perkembangan modal insan dan pemasaran dan promosi produk.

(Sila rujuk kepada Laporan Tahunan PKS 2005 untuk butir-butir lanjut)



ii. Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2007

Pelan tindakan yang merancang dengan teliti program-program bagi pembangunan PKS untuk tahun 2007 telah dilancarkan oleh MPPK pada bulan Januari 2007. Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2007 (Rangka Tindakan 2007) memperkenalkan dua komponen baharu:

- Sasaran Prestasi Makro bagi tempoh 2006 - 2010 bertujuan memberikan hala tuju untuk pembangunan PKS dan memantau prestasi PKS; dan
- Penilaian berhubung dengan kemajuan pelaksanaan program utama yang dilaksanakan pada tahun 2006.

Komponen ketiga Rangka Tindakan 2007 mengenal pasti program utama bagi pembangunan PKS yang akan dilaksanakan pada tahun 2007.



Rangka Tindakan Pembangunan

Rangka Tindakan 2007 membentangkan sasaran prestasi makro yang komprehensif bagi pembangunan PKS yang harus dicapai menjelang tahun 2010. Sasaran makro ini dirumuskan untuk memberikan hala tuju bagi pembangunan PKS dan memantau prestasi PKS bagi tempoh lima tahun akan datang. Dengan penetapan sasaran, usaha akan diambil untuk memantau prestasi PKS pada setiap tahun dengan berpandukan sasaran ini. Dengan itu, Kerajaan dapat menilai keberkesanan program Kerajaan keseluruhan untuk menyokong PKS. Dengan sasaran ini menjadi tanda aras bagi pembangunan PKS, Kerajaan juga dapat memberi maklum balas secara proaktif dengan memperkenalkan program dan langkah sokongan untuk memesatkan pembangunan PKS.

Penunjuk Prestasi Makro bagi Pembangunan PKS 2006-2010

Matlamat Ekonomi	Penunjuk Prestasi Makro
Mempertingkatkan Daya Maju PKS dalam semua sektor	• % sumbangan PKS kepada KDNK • % sumbangan PKS kepada guna tenaga • % bahagian eksport yang disumbang oleh PKS • % PKS yang berdaya maju (menguntungkan)
Matlamat SosioEkonomi	• Bilangan PKS Bumiputera baharu • % penyertaan PKS Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrians

Sumber: Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2007

Menjelang tahun 2010, sasaran peningkatan sumbangan PKS kepada ekonomi adalah seperti yang berikut:

- Sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) akan bertambah daripada 32% pada tahun 2005 kepada 37% pada tahun 2010 dengan sebahagian besar pertumbuhan disasarkan daripada sektor perkhidmatan, yang menyumbang 23% kepada KDNK menjelang tahun 2010;
- Sumbangan PKS kepada guna tenaga (tidak termasuk Kerajaan) akan bertambah daripada 56% pada tahun 2005 kepada 57% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2010; dan
- Bahagian jumlah eksport PKS akan meningkat daripada 19% kepada 22% pada tahun 2010, dengan PKS dalam sektor perkilangan menyumbang 12% daripada jumlah eksport negara.

Pencapaian sasaran ini bergantung pada pelaksanaan dasar dan inisiatif Kerajaan secara berkesan untuk menyokong pembangunan PKS bagi tempoh lima tahun akan datang.

Tinjauan Keseluruhan Pencapaian Pada Tahun 2006



Sebanyak 213 (daripada 248 yang dikenal pasti) program utama telah dilaksanakan pada tahun 2006 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM7.8 bilion, iaitu bersamaan dengan 1.6% daripada KDNK nominal.

Enam Kementerian dan Agensi telah menyempurnakan 24 program dengan kos sebanyak RM2.5 bilion dan memanfaatkan 13,485 PKS meliputi tiga teras strategik, sebahagian besarnya dalam usaha bina upaya.

*Program utama
telah dilaksanakan
pada tahun 2006
telah memanfaatkan
287,000 PKS*

Sebanyak 177 program terus dilaksanakan, dan sebahagian besar daripada program itu termasuk program untuk mengukuhkan keupayaan PKS dan akses kepada pembiayaan, yang membantu sebanyak 274,207 PKS.

Program utama untuk pembangunan PKS yang dilaksanakan pada tahun 2006 tertumpu terutamanya pada usaha bina upaya PKS dalam bidang pembangunan usahawan, pembangunan modal insan dan pemasaran dan promosi produk PKS.


Pelaksanaan program ini berjaya memanfaatkan lebih daripada 287,000 PKS.

Hasil daripada program utama tahun 2006:

- Kira-kira 128,000 PKS, usahawan wanita, siswazah dan pelajar menerima latihan keusahawanan dan teknikal;
- Kira-kira 34,000 PKS menerima khidmat nasihat yang diberikan oleh pelbagai agensi Kerajaan;
- Premis perindustrian dan perniagaan disediakan untuk lebih daripada 5,100 PKS;
- Kira-kira 780 PKS mendapat manfaat daripada program padanan dan pembesaran perniagaan seperti Program Rangkaian Perindustrian dan SMIDEX 2006; dan
- Sebanyak 272 PKS menerima geran dan bantuan kewangan untuk memperbaiki dan menaik taraf teknologi dan proses perniagaan mereka melalui Tabung Pemerolehan Teknologi, Geran untuk Pensijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti, dan Geran untuk Pembaikan Produk dan Proses.

Tinjauan Keseluruhan Program Pembangunan PKS 2007

Program utama yang bakal dilaksanakan pada tahun 2007 berdasarkan cabaran PKS yang dikenal pasti dalam Banci Pertubuhan dan Enterpris Tahun 2005.



Sumber: Banci Pertubuhan dan Enterpris Tahun 2005

Bagi membantu PKS mengatasi cabaran ini, sebanyak 189 program telah dirangka untuk dilaksanakan dengan komitmen kewangan sebanyak RM3.7 bilion. Sebahagian besar daripada program itu, iaitu sebanyak 135 kesemuanya, akan memberi tumpuan pada pembinaan kapasiti dan keupayaan, pembangunan modal insan dan pemasaran dan promosi.

Tumpuan program pada tahun 2007 adalah pada sektor perkilangan dan sektor yang berkaitan manakala pertimbangan juga diberikan untuk memastikan program yang dilaksanakan memadai untuk menyokong PKS dalam sektor perkhidmatan, iaitu sektor yang paling banyak menyumbang kepada KDNK.

Hasil yang Diharapkan bagi Program Tahun 2007

Pelaksanaan program Pembangunan Vendor, Skim Francais Baharu, Pembangunan Usahawan Bioteknologi dan Pembangunan PKS Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) diharap dapat memanfaatkan sebanyak 780 usahawan pada tahun 2007. Pelbagai program latihan dalam rangkaian bidang yang luas akan diadakan untuk membantu PKS meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan dan perakaunan, serta membangunkan PKS dalam industri peruncitan dan pertanian.

Program meluaskan pasaran yang mewujudkan hubungan PKS dengan syarikat besar, syarikat berkaitan kerajaan dan pasar raya besar akan terus dilaksanakan untuk membangunkan keupayaan pemasaran dan promosi PKS, dan memperluas rangkaian pasaran. Eksposisi seperti SMIDEX 2007, Konvensyen PKS dan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia akan diadakan untuk memberikan peluang kepada PKS mempamerkan produk mereka dan meningkatkan penembusan pasaran.

Bagi menyediakan infrastruktur untuk menyokong pertumbuhan PKS, premis perniagaan, kilang dan bengkel akan disediakan untuk PKS di kawasan luar bandar. Kerajaan juga menyasarkan untuk membangunkan 80 pejabat pos mini yang akan diuruskan oleh usahawan di bawah Program Pembangunan Usahawan Pejabat Pos Mini Luar Bandar. Di samping itu, pusat pembungkusan, pengedaran dan pemasaran produk akan diwujudkan untuk memastikan pengedaran produk pertanian dan asas tani PKS yang cekap dan berkesan.

Berhubung dengan akses kepada pembiayaan, institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan dijangka meluluskan pinjaman sebanyak RM51 bilion kepada kira-kira 110,000 akaun PKS pada tahun 2007. Pinjaman ini merupakan tambahan kepada 37,000 pinjaman yang disasarkan akan diluluskan di bawah pelbagai skim Kerajaan pada tahun 2007. Sebanyak 40 syarikat baharu dalam sektor ICT dijangka dibiayai di bawah Tabung ICT, manakala Geran Pengkomersialan Bioteknologi bertujuan mewujudkan sebanyak 35 projek.

Beberapa inisiatif penting juga akan dilaksanakan untuk menambah saluran pembiayaan bagi PKS, termasuk pengenalan kemudahan pembiayaan berasaskan Syariah di bawah Tabung Khas Bank Negara Malaysia dan Produk Pembiayaan Perdagangan Baharu, serta mengukuhkan peranan syarikat pemfaktoran dan pemajakan. Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) juga akan memperkenalkan beberapa produk penambahbaikan kredit untuk memudahkan lagi PKS mendapat akses kepada pembiayaan. Program pensekuritan pinjaman PKS juga akan diperkenalkan pada tahun 2007, manakala SME Bank juga dijangka menambah aktiviti berian pinjamannya.

PROGRAM PEMBANGUNAN PKS PADA TAHUN 2007 189 program utama yang dirancang untuk pembangunan PKS pada tahun 2007	
Sorotan Program Utama untuk Pembangunan PKS bagi tahun 2007	
Akses kepada Pembiayaan • Tabung Usahawan Baharu 2 • Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 • Skim Penyelesaian Hutang Kecil • Pensekuritian Pinjaman PKS • Pinjaman Perniagaan SME Bank	• Skim Kredit Pengeluaran Makanan • Tabung untuk Makanan • Tabung ICT • Geran Pengkomersialan Bioteknologi • Kemudahan Pembiayaan Berasaskan Syariah bagi Tabung Khas dan Produk Pembiayaan Perdagangan Baharu
Pembangunan Usahawan • Program Pembangunan Usahawan Bioteknologi • Skim Francais Baharu untuk siswazah dan usahawan wanita	• Program Pembangunan PKS ICT • Program Latihan Peruncitan • Program Anugerah 'Enterprise 50' • Program Latihan dalam Pengurusan dan Perakaunan Kewangan
Pemasaran dan Promosi • Program Promosi di Pasar Raya Besar • Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS)	• SMIDEX 2007 dan Konvensyen PKS • Program Rangkaian Perindustrian • Program Jangkauan Perdagangan MATRADE
Khidmat Nasihat • Rangkaian Penasihat Perniagaan PKS	• Program Perkhidmatan Sokongan Usahawan • Khidmat Nasihat Kontraktor
Infrastruktur • Pusat Pembungkusan Produk, Pengedaran dan Pemasaran Pertanian untuk hasil Pertanian dan produk Asas Tani	• Program Pembangunan Usahawan Pejabat Pos Mini Luar Bandar • Penyediaan premis perniagaan, kilang, pusat pemprosesan dan bengkel untuk PKS

Pembangunan PKS merupakan proses yang berterusan - rangka kerjanya kukuh hanya apabila terdapat pembangunan, pengiktirafan dan kerjasama secara bersama. Oleh itu, pelan tindakan yang bersepadu dan komprehensif telah dirangka untuk pembangunan PKS. Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan bukan sahaja menyediakan rangka kerja yang padu, tetapi turut menyediakan penilaian dan ukuran terhadap keberkesanan program Kerajaan, dan dengan itu, mendorong penambahbaikan sistem penyampaian untuk manfaat PKS.